

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2025

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 9 halaman bercetak

1	(a)	(i)	Dua bentuk perbuatan mempersendakan agama Islam: - Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT. - Mengejek dan menghina sunah Rasulullah SAW. - Menghina golongan ulama dan orang soleh. - Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu / lojik akal semata-mata. - Menyanjung perbuatan maksiat. - Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Dua kesan mempersendakan agama Islam: - Membatalkan iman/(1m) kerana mempermainkan ayat-ayat Allah SWT./(1m) - Tidak dipandang oleh Allah SWT di akhirat/(1m) kerana sering mengingkari ayat-ayat Allah SWT./(1m) - Tidak mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat/(1m) kerana mendustakan Allah SWT./(1m)	2 isi x 2m = 4m 1i=1m 1h=1m
			"Penghinaan terhadap Islam perlu dihentikan segera". Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah. Sumber: BHOnline – Rabu, 17 April 2019.	Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika perbuatan tersebut terus dilakukan.
		(iii)	Cadangan isi: (kesan buruk) - Permusuhan antara agama. - Dipandang hina oleh masyarakat. - Membatalkan iman.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m
	(b)	(i)	Maksud kalimah bergaris: i. Hatinya ii. Mencintai	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Maksud menyembunyikan sedekah ialah sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT semata-mata tanpa mengharapkan pujian manusia.	1 isi x 2m = 2m

**MANFAAT
BERSEDEKAH
SECARA TERANG-TERANGAN**

		Kemukakan pandangan anda tentang amalan tersebut.	[4 markah]
	(iii)	Cadangan isi: (hikmah) - Dapat menggalakkan lebih ramai orang bersedekah. - Menjadi contoh teladan kepada masyarakat. - Mewujudkan kesedaran masyarakat untuk saling membantu.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m
	(c)	Dua jenis ibtida: - Ibtida hasan. - Ibtida qabih.	2 isi x 1m = 2m
2	(a)	(i) Maksud perkara yang membatalkan iman melalui iktikad ialah tidak percaya / ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan al-Uluhiyyah(ketuhanan), al-Nubuwah (kenabian), perkara al-Ghaibiyyat (perkara ghaib) dan al-Syariat.	2 isi x 1m = 2m
	(ii)	Dua contoh iktikad yang membatalkan iman dari aspek al-Uluhiyyah: - Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta (al-Khaliq). - Mengingkari sifat kesempurnaan Allah SWT seperti Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat. - Menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang tidak layak bagi Allah SWT. - Meyakini kewujudan kuasa lain yang memerintah alam.	2 isi x 1m = 2m
	(iii)	Bagaimakah sikap individu yang tidak beriman dengan peringatan ayat al-Quran di atas. Huraikan. Cadangan isi: (sikap) - Sombong dengan kelebihan diri. - Berani melakukan maksiat. - Lalai dalam melakukan perintah Allah SWT.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m
	(b)	(i) Sejarah kemunculan kumpulan Muktazilah ialah kumpulan yang diasaskan oleh Wasil bin Ata'/(1m) setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar. / (1m)	1 isi x 2m = 2m

	(b)	(ii)	<p>Perbezaan pandangan antara Muktazilah dengan Khawarij berkaitan isu pelaku dosa besar:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Muktazilah</th><th>Khawarij</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir / mereka kekal di dalam neraka.</td><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir.</td></tr> </tbody> </table>	Muktazilah	Khawarij	Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir / mereka kekal di dalam neraka.	Pelaku dosa besar dianggap kafir.	2 isi x 1m = 2m
Muktazilah	Khawarij							
Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir / mereka kekal di dalam neraka.	Pelaku dosa besar dianggap kafir.							
		(iii)	<p>Dua prinsip Muktazilah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Al-Tauhid/(1m) : Menafikan sifat ma'ani pada zat Allah SWT. /(1m) - Al-'Adl/(1m): Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT. /(1m) - Al-Wa'du Wa Al-Wa'id/(1m): Meyakini bahawa Allah SWT wajib memberi balasan baik kepada kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat. /(1m) - Al-Manzilah Baina Al-Manzilatain/(1m): Meyakini bahawa pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka. /(1m) - Al-Amru Bil Makruf Wa Al-Nahyu Anil Mungkar/(1m): Meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam keadaan apa sekalipun. /(1m) 	2 isi x 2m = 4m 1i=1m 1h=1m				
		(iv)	<p>Buku ini telah diedarkan ke seluruh sekolah di Malaysia. Huraikan kesan sekiranya isi kandungan buku tersebut tidak diaplikasikan oleh pelajar.</p> <p>Cadangan isi: (kesan buruk)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berlaku perselisihan pendapat. - Berlaku pergaduhan kerana tidak sependapat. - Hilangnya rasa hormat antara satu sama lain. 	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m				
3	(a)	(i)	<p>Dua larangan iham dari segi kecantikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyapu minyak rambut. - Mencabut bulu / rambut. - Memotong kuku. 	2 isi x 1m = 2m				
			<p>Setiap jemaah haji yang telah berniat haji dan berihram, wajib meninggalkan perkara larangan dalam iham.</p> <p>Bagaimanakah kewajipan itu dapat membantu jemaah haji mengekalkan kepatuhan kepada Allah SWT.</p>					
		(ii)	<p>Cadangan isi: (hikmah)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melatih disiplin dan ketaatan jemaah haji. - Mengingatkan tujuan utama untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. - Mewujudkan kesabaran dalam diri. 	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m				

	(b)	(i)	Pengertian poligami ialah amalan beristeri lebih daripada seorang pada satu masa.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua kelayakan bagi seseorang lelaki yang ingin berpoligami: - Tidak melebihi empat orang isteri. - Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya dari aspek lahiriah seperti pakaian / tempat tinggal. - Mampu memberi nafkah zahir dan batin.	2 isi x 2m = 4m
	(c)	(i)	Maksud qisas ialah hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya./1m secara balasan yang sama seperti dalam al-Quran dan al-Sunah./1m	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Hukum qisas dalam Islam: - Wajib/(1m) jika mangsa atau waris mangsa mahukan balasan yang sama./(1m) - Wajib/(1m) namun mangsa / waris mangsa boleh menggantikan balasan tersebut dengan diyat / memaafkannya./(1m)	1 isi x 2m = 2m 1i=1m 1h=1m
			Catatan: Hanya jawapan ini sahaja diterima.	
			<p style="text-align: center;"> يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصاصُ فِي الْقَتْلِ آخْرُ بِآخْرٍ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنْثَى بِالْأُنْثَى ...  (Surah al-Baqarah:178) </p> <p>Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuhi iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan...</p> <p>Ramalkan kesan kepada hubungan sosial dalam masyarakat sekiranya hukuman tersebut tidak dilaksanakan.</p>	
		(iii)	Cadangan isi: (kesan buruk) - Jenayah akan berleluasa. - Hidup masyarakat akan porak poranda. - Masyarakat hidup dalam keadaan gelisah.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m

4	(a)	(i)	<p>Dua ciri kepimpinan Saidina Uthman bin Affan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berpandangan jauh dengan menubuhkan jawatankuasa khas pembukuan al-Quran. - Prihatin menyumbangkan harta kekayaan untuk pertahanan negara. - Prihatin membesarkan masjid Nabawi untuk keperluan / keselesaan umat Islam. - Berfikiran terbuka dengan melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal. - Berfikiran terbuka membenarkan sahabat keluar dari kota Madinah. - Inovatif dengan menubuhkan angkatan tentera laut Islam. 	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Sumbangan Saidina Uthman bin Affan dari aspek politik:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan. - Meluaskan kuasa wilayah Islam sehingga Rom / Mesir / Afrika Utara. - Menawan Pulau Cyprus. 	1 isi x 2m = 2m
			<p>KEPRIHATINAN SAIDINA UTHMAN BIN AFFAN:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyumbangkan harta dan kekayaannya untuk pertahanan negara. • Membesarkan masjid Nabawi untuk keperluan dan keselesaan umat Islam. 	
		(iii)	<p>1. Mengapakah kita mesti mencontohi nilai di atas.</p> <p>Cadangan isi: (iktibar)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melatih diri suka bersedekah demi pembangunan masyarakat Islam. - Cakna dengan keperluan Islam agar dipandang mulia oleh masyarakat lain. 	2m I=1m H=1m
			<p>2. Bagaimanakah nilai-nilai ini menjamin kekuatan masyarakat Islam masa kini. Buktikan.</p> <p>Cadangan isi: (cara)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sifat dermawan mendorong umat Islam membantu golongan miskin. - Menggalakkan pembangunan pendidikan dan ekonomi. - Membina masyarakat yang bersatu padu dan prihatin. 	4m I= 1m H=1m HL=1m K=1m

	(b)	(i)	Pemerintah ketujuh kerajaan Uthmaniyyah: - Muhammad al-Fatih bin Murad II.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyyah: - Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan. - Mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat. - Sistem wakaf yang sistematik meliputi aspek keperluan asas / pendidikan / kesihatan.	1 isi x 2m = 2m
	(c)	(i)	Dua pekerjaan Ahmad bin Ibrahim: - Pensyarah Kuliah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. - Hakim Mahkamah Rayuan. - Hakim Mahkamah Syariah. Catatan: Jawapan ini sahaja diterima.	2 isi x 1m = 2m
			Ahmad bin Ibrahim sangat menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.	
		(ii)	Sebagai pemimpin pelajar, bagaimanakah anda mencontohi sikap di atas. Cadangan isi: (cara) - Tidak pilih kasih ketika membuat sesuatu keputusan. - Bersikap jujur dan telus. - Mematuhi peraturan yang ditetapkan.	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m
5	(a)	(i)	Maksud khauf ialah takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi segala larangan-Nya.	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Contoh khauf yang diamalkan oleh Rasulullah SAW: - Rasulullah SAW mendirikan solat sunat gerhana matahari dengan khusyuk. Pada sujud terakhirnya, baginda menangis kerana berasa takut Allah SWT menurunkan azab. - Rasulullah SAW bersabda kepada seorang lelaki yang sedang terlantar bahawa Allah SWT akan memberikan apa yang diharapkan oleh seseorang dan menyelamatkannya daripada apa-apa yang ditakutinya.	1 isi x 2m = 2m

		<p>Fiman Allah SWT:</p> <p style="text-align: center;">... فَلَا تَخَافُهُمْ وَخَافُونِ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ</p> <p>(Surah Ali Imran:175)</p> <p>Maksudnya:.... Maka janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepada-Ku, jika kamu benar-benar orang yang beriman.</p>	
		Berdasarkan potongan ayat al-Quran di atas,	
	(iii)	<p>1. Mengapakah sifat di atas penting dalam membentuk akhlak pelajar.</p> <p>Cadangan isi: (hikmah)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendorong pelajar sentiasa mematuhi perintah Allah SWT dengan berhati-hati dalam setiap tindakan. - Menjadi benteng daripada pengaruh negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri. - Membentuk disiplin diri yang tinggi dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pelajar. 	[2 m] I=1m H=1m
		<p>2. Bagaimanakah anda mengaplikasikan sifat di atas dalam kehidupan seharian. Huraikan.</p> <p>Cadangan isi: (cara)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjaga tutur kata dan perbuatan seperti menghindari fitnah / berbohong / menzalimi orang lain. - Menjauhi perkara yang dilarang oleh Allah SWT seperti maksiat. - Sentiasa mengingati balasan Allah SWT bahawa setiap perbuatan ada balasannya. 	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m
	(b) (i)	Maksud ujub ialah berasa bangga dengan amalan / kelebihan yang ada pada diri sendiri.	1 isi x 2m = 2m
	(ii)	<p>Dua contoh sifat ujub:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berasa bangga dengan kehebatan ilmu yang dimiliki. - Merasakan diri lebih soleh berbanding orang lain. <p>Catatan: Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</p>	2 isi x 1m = 2m

	(iii)	Hikmah meninggalkan sifat mazmumah: <ul style="list-style-type: none"> - Membentuk akhlak mulia/(1m) kerana menghindarkan diri daripada larangan Allah SWT./(1m) - Mendidik jiwa /(1m) supaya sentiasa tunduk kepada kekuasaan Allah SWT./(1m) - Memperkuuh jati diri muslim/(1m) dengan mengamalkan sifat mahmudah./(1m) - Mendapat ketenangan hidup/(1m) kerana menjaga hubungan sesama manusia./(1m) - Memartabatkan imej Islam/(1m) sebagai contoh terbaik dalam membangunkan modal insan./(1m) 	1 isi x 2m = 2m 1i=1m 1h=1m
		 <p style="text-align: center;"> Kepemimpinan <i>Di Dalam Islam</i> Mewujudkan Kesejahteraan </p>	
	(iv)	Hubungkaitkan sifat ujub dalam konteks di atas. Cadangan isi: (kesan buruk / hubungkait) <ul style="list-style-type: none"> - Sukar menerima kritikan dan mengabaikan pendapat orang lain kerana merasakan hanya dirinya yang betul. - Menghalang budaya kerja berpasukan kerana sifat pentingkan diri sendiri. - Risiko dalam membuat keputusan yang salah. 	4m I=1m H=1m HL=1m K=1m

TAMAT